



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO
TARIKH	:	25/02/2010
MUKA SURAT	:	15
	:	UMUM



AHLI Nemgrads bergambar pada majlis pelancaran Kempen Tanggungjawab Sosial Korporat Terhadap Alam Sekitar di kampus USM, Pulau Pinang baru-baru ini.

# Nemgrads lancar kempen cintai alam sekitar

### TANGGUNGJAWAB SOSIAL.

Menyadari pentingnya menjaga alam sekitar, seramai 22 pelajar tahun akhir Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang tampil dengan kempen sosial mereka.

Menggelarkan diri sebagai Graduan Milenium Baru

(Nemgrads), para pelajar itu telah melancarkan 'Kempen Tanggungjawab Sosial Korporat Terhadap Alam Sekitar' di kampus USM baru-baru ini.

Kemuncak program ialah seminar tentang kesedaran alam sekitar pada 13 hingga 14 Mac nanti yang akan disertai kira-kira 400

mahasiswa seluruh negara serta wakil-wakil syarikat korporat.

Menurut Eksekutif Bahagian Publisitinya, Nurul Azila Hidayat Che Met, kempen itu mampu meningkatkan kesedaran para pelajar, pihak universiti dan syarikat korporat tentang kepentingan memulihara alam sekitar.